

NO. SOALAN : 6

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : YB DATUK RAIME BIN UNGGI  
[TENOM]**

**SOALAN : 6**

**YB Datuk Raime Bin Unggi [Tenom] minta PERDANA MENTERI** menyatakan di bawah Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA), berapa jumlah perbandaran yang baharu sudah dibangunkan dan dirancang bagi seluruh negara, terutama di Sabah.

**JAWAPAN: YB DATO' SERI SHAHIDAN BIN KASSIM,  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat berkenaan perbandaran baharu, PR1MA mempunyai sebilangan projek yang berskala besar (projek PR1MA melebihi 2,000 unit kediaman di sesuatu lokasi) dengan kemudahan awam yang membentuk perbandaran baharu di seluruh negara. Selain menyediakan kediaman, PR1MA juga menampilkan persekitaran yang kondusif melalui kemudahan awam dan utiliti sedia serta infrastruktur yang lengkap. Kemudahan awam ini adalah seperti sekolah, aksesibiliti pengangkutan dan kawasan komersil berdekatan.

Bagi perbandaran baharu tersebut, lokasi projek-projek adalah di Negeri Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Johor, Melaka, Pulau Pinang, Perak, Kedah, Sabah dan Sarawak. Bagi Negeri Sabah, lokasi pembangunan bandar baharu ini adalah terletak di kawasan Parlimen Sepanggar dan Tuaran. Kesemua projek tersebut masih berada dalam fasa perancangan dan fasa dalam pembinaan.

Berkenaan pembangunan PR1MA secara keseluruhan pula, sehingga kini Anggota Perbadanan PR1MA (Ahli Lembaga Pengarah) telah meluluskan 261,248 unit kediaman di seluruh Malaysia. Daripada jumlah tersebut bagi Negeri Sabah melibatkan sebanyak 30,156 unit kediaman PR1MA (27 buah projek). Lokasi bagi pembangunan PR1MA di Negeri Sabah mengikut kawasan Parlimen adalah di Sandakan, Sepanggar, Tawau, Kota Marudu, Papar, Beaufort, Tuaran, Semporna, Silam, Kinabatangan, Penampang, Kota Kinabalu, Putatatan, Keningau dan Kimanis. Daripada jumlah kelulusan tersebut, sebanyak 17,402 unit sedang berada dalam pembinaan manakala projek-projek lain masih berada dalam fasa perancangan. Jumlah ini dijangka akan meningkat mengikut kekerapan Mesyuarat Anggota Perbadanan PR1MA yang sentiasa bersidang.

Sekian, terima kasih.